



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

SIARAN SEGERA

Banci Pertanian 2024: Anjakan dalam landskap pertanian Malaysia

SERDANG, 4 JULAI 2024 – Majlis Peluncuran Banci Pertanian 2024 telah dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air bertempat di MAEPS, Serdang, Selangor pada hari ini.

Turut hadir sama YB Datuk Seri Haji Mohamad Bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan; YB Datuk Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Perladangan dan Komoditi; YBhg. Datuk Lokman Hakim Bin Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan; YBhg. Dato' Nor Azmie Bin Diron, Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi; dan YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Bin Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia merangkup Pesuruhjaya Banci Pertanian 2024.

Selaras dengan fungsi dan peranan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sebagai agensi yang melaksanakan pengumpulan data dan menyediakan statistik rasmi, DOSM telah diberi mandat untuk menerajui pengumpulan data Banci Pertanian 2024. Banci pada kali ini merangkumi pendekatan seluruh negara dan melibatkan jaringan kolaborasi strategik antara Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kementerian Perladangan dan Komoditi, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah dan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, serta Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

Banci Pertanian 2024 merupakan banci kali keempat dilaksanakan di Malaysia selepas kali terakhir dilaksanakan pada 2005. Pelaksanaan banci ini adalah sejajar dengan resolusi *Food and Agriculture Organisation* (FAO), Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang mengesyorkan agar semua negara melaksanakan Banci Pertanian dalam tempoh 2015-2025.

Setelah hampir 19 tahun tidak dilaksanakan, telah banyak proses transformasi yang berlaku dalam sektor pertanian negara dengan menyaksikan perubahan struktur dan perkembangan teknologi pertanian dalam usaha mempersiapkan negara ke arah pembangunan sektor pertanian yang lebih maju, moden dan mampan selaras Agenda Pembangunan Mampan 2030 (SDG 2030).

Justeru, perubahan yang sedang berlaku harus dikenalpasti melalui pelaksanaan Banci Pertanian 2024. Jangkaan daripada bancian ini jauh lebih tinggi daripada banci yang sebelumnya bagi keperluan untuk pelbagai maklumat terkini mengenai pengeluaran ladang, corak tanaman, anggaran keluasan tanah berasaskan pola tanaman, sistem pertanian, amalan pengurusan dan kewangan, agro-pelancongan serta profil pengusaha dan ahli isi rumah pertanian yang berfungsi sebagai penanda aras statistik pertanian negara. Maklumat daripada banci juga dijangka menjadi *game-changer* yang bakal mentransformasi industri pertanian dan keterjaminan makanan negara.

Bagi meningkatkan pemahaman dan komunikasi secara langsung mengenai pelaksanaan Banci Pertanian 2024, portal banci telah diwujudkan sebagai pusat sehenti statistik pertanian. Ia menyediakan satu kandungan yang komprehensif dan interaktif dalam bentuk infografik dan visualisasi bagi masyarakat mendapatkan informasi terkini. Setakat 1 Julai 2024, bilangan pelayar yang mengakses portal banci telah mencapai 1.02 juta pelawat.

Banci Pertanian 2024 disasarkan untuk mencapai salah satu *outcome* utama iaitu membangunkan satu Pangkalan Data Statistik Pertanian Bersepadu yang akan mengandungi maklumat rantai pertanian (hulu dan hiliran) yang akan dikemaskini secara berkala. Melalui pengintegrasian data daripada pelbagai agensi, ianya diharap dapat menyediakan statistik pertanian yang lengkap, komprehensif dan berkala melalui pelaksanaan survei berkala serta maklumat daripada data pentadbiran. Dengan tercapainya *outcome* banci pertanian akan menjadikan negara bergerak ke arah agenda pertanian melalui pembuatan keputusan berasaskan bukti selaras dengan keperluan

dan perubahan persekitaran yang menuntut data yang holistik, komprehensif, relevan dan bertepatan masa.

Kejayaan Banci Pertanian 2024 sememangnya memerlukan kerjasama semua pengusaha isi rumah, institusi dan pertubuhan yang menjalankan aktiviti pertanian. Justeru, semua pihak yang terlibat di seluruh negara diseru memberi kerjasama penuh dalam pelaksanaan Banci Pertanian 2024 yang akan dilaksanakan bermula pada 7 Julai sehingga 10 Oktober 2024. Liputan banci merangkumi empat (4) subsektor iaitu Tanaman, Ternakan, Perikanan & Akuakultur dan Perhutanan & Pembalakan.

Harapan DOSM dari Banci Pertanian 2024 adalah untuk menjadikan statistik pertanian sebagai kunci kepada pembangunan, perkembangan dan kemajuan sektor pertanian negara menjelang 2030, selaras dengan tema “Banci Pertanian 2024, Kunci Kemajuan Pertanian”.

Maklumat lanjut berkaitan Banci Pertanian 2024 boleh dilayari di portal Jabatan Perangkaan Malaysia iaitu www.myagricensus.gov.my dan laman Facebook Banci Pertanian 2024 www.facebook.com/bancipertanian2024/. Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
4 JULAI 2024**



MEDIA RELEASE

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre
62514 Precinct 1,
Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

IMMEDIATE RELEASE

Agriculture Census 2024: A shift in Malaysia's agriculture landscape

SERDANG, 4th JULY 2024 – The Agriculture Census 2024 Launching Event (Kick-Off) was officiated by YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Deputy Prime Minister and Minister of Energy Transition and Water Transformation (PETRA) at the MAEPS, Serdang, Selangor today.

Also, present YB Datuk Seri Haji Mohamad Bin Sabu, Minister of Agriculture and Food Security; YB Datuk Chan Foong Hin, Deputy Minister of Plantation and Commodities; YBhg. Datuk Lokman Hakim Bin Ali, Chief Secretary for Ministry of Agriculture and Food Security; YBhg. Dato' Nor Azmie Bin Diron, Chief Secretary for Ministry of Economy; and YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Bin Mahidin, Chief Statistician Malaysia cum Agriculture Census Commissioner 2024.

In line with its role in data compilation and provider of official statistics, Department of Statistics Malaysia (DOSM) was given the mandated to lead the data collection of the Agriculture Census 2024. The present census embraces the whole of nation approach and involves a strategic collaboration amongst the Ministry of Agriculture and Food Security, the Ministry of Plantation and Commodities, the Ministry of Rural and Regional Development, the Ministry of Natural Resources and Environmental Sustainability as well as the governments of Sabah and Sarawak.

The Agriculture Census 2024 is the fourth census conducted in Malaysia, with the previous one held in 2005. This census is in alignment with the resolution of the Food and Agriculture Organisation (FAO) of the United Nations (UN), which recommends that countries conduct an Agricultural Census during the period 2015-2025.

Nearly 19 years since its last implementation, the nation's agricultural sector has undergone numerous transformative processes, witnessing structural changes and advancements in agricultural technology in an effort to prepare the country for the development of a more advanced, modern, and sustainable agricultural sector in line with the Sustainable Development Goals 2030 (SDG 2030).

Therefore, the ongoing changes have to be identified through the implementation of the Agriculture Census 2024. Expectations for this census are much higher than the previous census due to the need for an updated information on farm production, cropping patterns, land area estimates based on the cropping patterns, agricultural systems, management and financial practices, agro-tourism, and the profiles of agricultural entrepreneurs and households as it serves as the benchmark of agricultural statistics for the nation. The information from the census is also expected to be a game-changer that will transform the nation's agricultural industry and food security.

To enhance the understanding and in communicating the implementation of the Agriculture Census 2024, a census portal has been established as a one-stop centre for agricultural statistics. It provides a comprehensive and interactive content in the form of infographics and visualisations, allowing the public to access the latest information. As of 1st July, 2024, the number of visitors to the census portal has reached 1.02 million.

One of the main outcomes of the Agriculture Census 2024 aims to develop a single Integrated Agricultural Statistics Database that will contain information on the agricultural chain (upstream and downstream) that will be updated regularly. By integrating data from various agencies, this database is expected to provide a complete, comprehensive, and timely agricultural statistics through periodic surveys and administrative data. With the outcome of agricultural census will make the nation moves towards its agricultural agenda using evidence-based decision-making in line with the needs and changes in the environment and demand for data that is holistic, comprehensive, relevant and timely.

The success of the Agriculture Census 2024 undoubtedly requires the cooperation of all agricultural household entrepreneurs, institutions and organisations. Therefore, all parties involved throughout the country are urged to give their full cooperation in the implementation of the Agriculture Census 2024, which will be conducted from July 7 to October 10, 2024. The census covers four (4) subsectors namely Crops, Livestock, Fisheries & Aquaculture, and Forestry & Logging.

DOSM's aspiration for the Agriculture Census 2024 is to establish agricultural statistics as the key to the development, progress, and advancement of the nation's agricultural sector towards 2030, in line with the theme "Agriculture Census 2024: Key to Agricultural Development".

For more information about the Agriculture Census 2024, please visit the Department of Statistics Malaysia portal at www.myagricensus.gov.my and the Agriculture Census 2024 Facebook page at www.facebook.com/bancipertanian2024/. The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Released by:

**CHIEF STATISTICIAN OFFICE
DEPARTMENT OF STATISTICS
MALAYSIA
4TH JULY 2024**